

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PROGRAM KHAS BERSAMA IKON
MUDA KOPERASI SEKOLAH DAN
MAJLIS IFTAR 2019**

24 MEI 2019 (JUMAAT)
5.30 PETANG
AUDITORIUM, ANGKASA

Bismillahirrahmanirrahim.,

Assalamualaikum warahmatullah.
wbth.

dan Salam Sejahtera
Terima Kasih Pengacara Majlis

**(SALUTASI TERKINI AKAN DILETAKKAN
DI ATAS ROSTRUM SEMASA MAJLIS
PERASMIAN)**

1. Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana sekali lagi

diberi kesempatan untuk berjumpa dengan semua wakil **bakal IKON MUDA KOPERASI SEKOLAH** seluruh negeri dan juga ALK guru koperasi sekolah pada hari ini.

2. Saya bagi pihak ANGKASA mengucapkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua

peserta yang majoritinya ALK Guru dan Murid Sekolah yang dijemput khas, yang dapat memberi komitmen dan sokongan untuk hadir menjayakan Program pada kali ini, terima kasih juga kepada **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Majlis Amanah Rakyat (MARA)**

dan Bahagian Teknik & Vokasional (BPTV) yang tidak pernah jemu memberi sokongan padu dalam membangunkan gerakan koperasi sekolah di negara ini sehingga berada pada tahap sekarang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

3. Program Khas Ikon Muda Koperasi Sekolah yang julung-julung kalinya diadakan pada tahun ini adalah bertujuan **mengasah bakat kepimpinan di kalangan generasi muda melalui koperasi sekolah, memupuk semangat keusahawanan di kalangan murid dengan melibatkan diri di dalam aktiviti**

perniagaan koperasi sekolah dan memberi kesedaran kepada semua koperator bahawa penglibatan kokurikulum bukan penghalang untuk berjaya di dalam bidang akademik.

Pemilihan Ikon Muda Koperasi Sekolah adalah berdasarkan Kejayaan mereka di dalam bidang akademik

dan kejayaan dan penglibatan mereka di dalam bidang kokurikulum khususnya di dalam aktiviti melibatkan koperasi sekolah.

Pada tahun ini, ANGKASA telah memilih 3 Ikon Muda Koperasi Sekolah yang beroleh kejayaan yang

cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

- 1. Saudara Muhammad Hilamn Nor Azmi**
(Koperasi SM Imtiaz Kuala Terengganu)
- UPSR : 5A, PT3: 11A & SPM : 11A+

- Anggota Lembaga Koperasi (ALK Pelajar)

**2. Saudara Muhammad Khirin Yusra Sabri
(Koperasi MRSM Kepala Batas Pulau Pinang Berhad)**

- UPSR : 5A, PT3: 11A & SPM : 9A+, 2A

- Anggota Lembaga Koperasi (ALK Pelajar)
- Naib Johan Pembentang Terbaik di Majlis Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan 2017 (AKKS) – di Perak

**3. Saudari Nurulfatihah Alashiqen
Hishamuddin
(Koperasi SMK Pekan Baru Muar
Johor)**

- UPSR : 4A 2B, PT3 : 10A 1B, SPM : 5A+, 5A, 1B
- Anggota Lembaga Koperasi (ALK Pelajar)

- Johan Koperator Terbaik di Majlis Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan 2018 (AKKS)- di Melaka

Syabas dan Tahniah !!!

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

4. Koperasi sekolah sudah berusia 51 tahun sejak penubuhannya pada tahun 1968 namun asasnya sama untuk menerapkan semangat dan nilai-nilai berkoperasi dalam kalangan generasi muda kita. Untuk berjaya mengharungi cabaran pada masa kini pelajar-pelajar/murid-murid bukan sahaja perlu memiliki kemahiran

memimpin tetapi juga nilai-nilai sejagat seperti integriti, belas kasihan, adil, dan altruisme (**al-tu-ri-zem**) yang dapat membimbing mereka dalam membuat keputusan beretika. Pada masa yang sama, pembangunan warganegara yang global perlu diimbangi dengan pembangunan identiti nasional yang kukuh. Sama-

samalah kita berusaha menjayakan hasrat ini.

5. Sebagai badan utama gerakan koperasi di negara ini, ANGKASA bersama SKM sentiasa komited dalam membangunkan gerakan koperasi sekolah. Bermula dengan sembilan (9) buah sekolah perintis, sekarang ini

bilangan koperasi sekolah telah meningkat kepada 2,406 buah sehingga Jun 2018 (Sumber: Statistik SKM) dari keseluruhan bilangan sekolah menengah yang mendaftar. Saya menyeru kepada sekolah-sekolah menengah yang belum menubuhkan koperasi dan mana-mana yang belum menjadi ahli

ANGKASA supaya segera berbuat demikian. Saya penuh yakin dengan menjadi ahli ANGKASA banyak peluang untuk koperasi sekolah mengembangkan lagi perniagaan yang diceburi. ANGKASA turut menawarkan perkhidmatan secara percuma seperti kursus-kursus, bengkel-bengkel, seminar-seminar,

Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS), Program Pelancongan Koperasi Sekolah, Sistem Pengurusan Berkomputer ANGKASA (SPBA) dan perkhidmatan yang lain dapat dimanfaatkan koperasi sekolah bagi menambah baik pentadbiran dan pembangunan

koperasi sekolah serta banyak faedah lain lagi yang boleh diperolehi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

6. Untuk makluman, statistik pertumbuhan koperasi sekolah meningkat dengan ketara sejak diasaskan pada tahun 1969, selaras

dengan usaha-usaha yang dilaksanakan ANGKASA yang mendapat sokongan padu daripada KPM, Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri, BPTV, SKM dan Institut Koperasi Malaysia (IKM).

Sehingga 30 Jun 2018, koperasi sekolah berjumlah 2,406 buah dengan

**keanggotaan 1.6 juta orang,
syer/yuran berjumlah RM26.26 juta,
aset berjumlah RM353.79 juta,
menyumbang perolehan sebanyak
RM260.4 juta.**

Statistik Am Koperasi Sekolah
sehingga 30 Jun 2018.

BIL.	NEGERI	BILANGAN KOPERASI	KEANGGOTAAN	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
1	JOHOR	272	231,621	3,142,708	52,677,816	35,196,096
2	KEDAH	192	124,370	1,793,418	32,535,161	17,108,805
3	KELANTAN	162	99,420	2,189,902	22,076,066	17,489,390
4	MELAKA	81	53,148	913,317	15,088,663	8,745,267
5	NEGERI SEMBILAN	127	73,099	1,074,857	17,546,127	9,650,449
6	PAHANG	196	82,783	1,645,796	24,314,934	14,535,250
7	PERAK	250	124,075	3,064,724	33,514,596	20,585,589
8	PERLIS	33	19,073	210,048	4,316,797	2,806,821
9	PULAU PINANG	135	46,427	1,633,955	19,845,636	16,833,775
10	SABAH	223	138,925	1,736,698	19,934,663	14,989,204
11	SARAWAK	188	176,785	1,841,894	32,290,509	21,488,993
12	SELANGOR	276	268,204	3,925,223	42,850,045	41,680,222
13	TERENGGANU	160	109,795	1,737,241	21,758,913	29,270,556
14	WILAYAH PERSEKUTUAN	111	56,386	1,353,366	15,041,448	10,025,433
JUMLAH		2,406	1,604,111	26,263,147	353,791,375	260,405,850

PERANGKAAN AM KOPERASI SEKOLAH MENGIKUT FUNGSI PADA 30 JUN 2018

BIL.	FUNGSI	BILANGAN KOPERASI	KEANGGOTAAN	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
1	PERTANIAN	5	243	14,170	85,563	63,889
2	PENGGUNA	2,388	1,603,128	26,220,917	353,595,557	260,223,005
3	PERKHIDMATAN	13	740	28,060	110,255	118,956
JUMLAH		2,406	1,604,111	26,263,147	353,791,375	260,405,850

PERANGKAAN AM KOPERASI SEKOLAH MENGIKUT KUMPULAN SASAR PADA 30 JUN 2018

BIL.	KUMPULAN SASAR	BILANGAN KOPERASI	KEANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
1	SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN	76	26,278	514,679	4,907,645	4,162,136
2	SEKOLAH AGAMA RAKYAT	27	10,680	333,162	2,953,868	3,622,218
3	SEKOLAH BERASRAMA PENUH (AGAMA)	26	13,506	280,296	4,313,607	3,503,708
4	SEKOLAH BERASRAMA PENUH (MRSRM)	54	34,890	2,052,960	20,070,083	18,203,885
5	SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP)	53	28,625	1,235,876	11,322,934	9,111,204
6	SEKOLAH KERAJAAN HARIAN	2,071	1,434,786	20,686,954	295,159,054	210,416,042
7	SEKOLAH MENENGAH TEKNIK	51	34,603	706,280	9,133,746	6,345,741
8	SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL	28	18,224	377,820	5,282,279	4,196,191
9	SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS	13	913	53,896	385,126	468,411
10	SEKOLAH SENI	2	-	3,757	4,430	673
11	SEKOLAH SUKAN	5	1,606	17,466	258,602	375,641
JUMLAH		2,406	1,604,111	26,263,147	353,791,375	260,405,850

7. Koperasi sekolah yang telah mencapai perolehan RM 1 juta ialah 7

buah pada tahun 2018 dengan **15 buah** koperasi lagi perolehannya mencecah hampir RM 1juta (**dalam lingkungan RM700,000 – 900,000**). Bagi tahun 2019 ini, kita mengharapkan 15 buah koperasi sekolah ini atau lebih lagi akan meningkat perolehan mereka. **30 buah** koperasi sekolah

mendapat perolehan dalam lingkungan (**RM500,000 – RM700,000**).

8. Untuk makluman, ANGKASA mensasarkan menjelang tahun 2020 sekurang-kurangnya 50 koperasi sekolah boleh menjana pendapatan melebihi RM1 juta. Kita percaya sasaran ini dapat kita capai dengan

penglibatan dan sokongan semua pihak. Ia memerlukan usaha yang lebih gigih lagi.

9. Sehingga kini terdapat lebih kurang 160 pintu kios koperasi sekolah yang telah beroperasi dan sedang dalam pembinaan. Perniagaan kios koperasi sekolah juga membantu

koperasi dalam menjana dan meningkatkan perolehan mereka. Kios ini ada yang diuruskan oleh koperasi sepenuhnya dan juga ada yang disewa kepada orang luar. Perniagaan kios koperasi sekolah juga dapat menarik pelanggan, pembeli dan masyarakat sekitar kawasan sekolah.

10. Antara koperasi sekolah yang berjaya mencapai perolehan mencecah RM 1 juta dan ke atas ialah:

- i) Koperasi MRSM Kepala Batas Pulau Pinang Berhad;
- ii) Koperasi MRSM Kubang Pasu Jitra Kedah Berhad;

- iii) Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Kelantan Berhad;
- iv) Koperasi MRSM Taiping Perak Berhad;
- v) Koperasi MRSM Batu Pahat Johor Berhad; dan
- vi) Koperasi MRSM Tunku Abdul Razak Pekan Pahang Berhad.
- vii) Koperasi SMK Kota Kota Bharu Berhad Kelantan (TERBARU)**

11. Dalam hal pembangunan koperasi sekolah, ANGKASA tetap dengan pendirian bahawa koperasi sebagai tempat untuk pelajar-pelajar mendapat latihan keusahawanan dan memupuk nilai-nilai kerjasama, kesaksamaan, perpaduan melalui koperasi. Walaupun ANGKASA menekankan perolehan, ini tidak

bermakna kita mencuba untuk ‘mengkomersialkan’ koperasi sekolah. ANGKASA berpandangan koperasi sekolah berpotensi menjana pendapatan tanpa mengganggu pembelajaran dalam kelas, malah terbukti mampu memberi latihan pembelajaran yang berkesan di luar kelas.

12. Koperasi perlu sentiasa membuat aktiviti-aktiviti kemenjadian untuk pelajar. Semakin banyak aktiviti yang menjurus kepada keusahawahan dapat membentuk dan memberi kemahiran yang berguna kepada pelajar untuk menjadi koperator/usahawan yang berjaya pada masa hadapan. Duit

dari pada Tabung-tabung Koperasi Sekolah boleh digunakan bagi tujuan ini.

13. Penjanaan pendapatan ini bukan untuk keuntungan semata-mata, malah koperasi dapat menjual keperluan-keperluan pelajar-pelajar, guru-guru dan sekolah pada harga

yang lebih murah. Ini dapat membantu mengurangkan beban pelajar-pelajar dan kos sara hidup. Keuntungan yang diperolehi juga akan dipulangkan kepada pelajar-pelajar dalam bentuk dividen atau membantu sekolah menyediakan kemudahan-kemudahan untuk pelajar. Ini dapat mengurangkan

kebergantungan sekolah kepada kerajaan untuk pembiayaan prasarana sekolah.

14. Justeru, untuk memperkasakan lagi koperasi sekolah di negara ini, saya memohon KPM/MARA/BPTV memastikan semua jabatan-jabatan pendidikan dan

pengetua-pengetua sekolah/pengarah-pengarah menyokong penuh semua program-program pembangunan dijalankan ANGKASA dengan memberi pelepasan kepada guru-guru koperasi dan pelajar-pelajar, mengurangkan waktu mengajar guru koperasi, memberi ruang operasi,

menggalakkan perluasan perniagaan koperasi dan kelonggaran menjual makanan dan minuman yang tidak bermasak semasa kantin beroperasi. Sokongan mereka ini amat penting dalam memacu kejayaan koperasi.

15. Akhir kata, marilah kita terus mengekalkan prestasi koperasi

sekolah negara di persada dunia dan negara. Semoga usaha yang dilakukan ini menjadi platform terbaik membangkitkan nilai-nilai keusahawanan dalam diri generasi muda bagi melahirkan lebih ramai usahawan berjaya di negara kita.

Dengan Lafaz
Bismillahhirahmanirahim, saya
merasmikan **PROGRAM KHAS IKON**
MUDA KOPERASI SEKOLAH 2019 pada
hari ini.

Sekian, wabillahi tawfiq wal hidayah.
Wassalamualaykum wrh. wbth.